

Headline	Bank Islam tumpu korporat, komersial		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	407,786
Page No	47	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	153 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,651
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,952



Bank Islam tumpu korporat, komersial

Kota Bharu: Bank Islam Malaysia Bhd (Bank Islam) mensasarkan untuk meningkatkan pertumbuhan sehingga 30 peratus dalam segmen perbankan korporat dan komersial menjelang akhir tahun ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat berkata, sasaran itu juga didorong dengan jangkaan penurunan dalam perbelanjaan konsumen pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya.

Beliau berkata, ketika ini segmen perbankan konsumen masih lagi menjadi pemacu utama yang menyumbang sekitar 75 peratus terhadap aset bank untuk tahun 2012 dan kemungkinan juga akan dilihat pada 2013.

"Kita rasa perbelanjaan



ZUKRI (kanan) menyerahkan replika kunci Toyota Hilux kepada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) Datuk Che Mohd Rahim Jusoh (kiri) disaksikan Ahmad Yakob.

konsumer akan berkurangan berbanding tahun sebelumnya, apa yang kita akan buat ialah memberi fokus sedikit

kepada perbankan korporat dan komersial seperti peluang dari segi projek berkaaitan kerajaan.

"Kita akan beri penumpuan lebih supaya sumbangannya daripada perbankan korporat dan komersial lebih besar berbanding tahun sebelumnya.

"Jika dilihat kunci kira-kira 2012 mungkin 2013, perbankan konsumen menyumbang 75 peratus kepada aset bank. Jadi kita masih lagi tertumpu kepada perbankan konsumen tetapi kita mahu seimbangkannya dengan menjangkakan pertumbuhan dari segmen perbankan korporat dan komersial yang diharap mencapai nisbah 70:30," katanya pada sidang media di Majlis Perasmian Cawangan Bank Islam Padang Garong, semalam.

Majlis itu disempurnakan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.